

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
[SUBANG]**

SOALAN NO. 436

Y.B. TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pandangan anda mengenai tender terbuka dan rundingan tender. Berikan sektor, pra-kelayakan dan pertimbangan nilai projek.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses perolehan kerajaan adalah dilaksanakan berteraskan kepada lima (5) prinsip utama iaitu, pertama; akauntabiliti awam, kedua; diuruskan secara telus, ketiga; memberi nilai faedah terbaik, keempat; mewujudkan saingan terbuka dan terakhir; mestilah adil dan saksama. Tatacara perolehan yang digunapakai oleh Kerajaan adalah berdasarkan amalan terbaik perolehan awam di peringkat antarabangsa yang mana semua proses perolehan perlu dilaksanakan secara terbuka.

Peraturan perolehan yang berkuatkuasa menetapkan mana-mana perolehan Kerajaan yang nilainya melebihi RM500,000 perlu dilaksanakan secara tender terbuka. Peraturan ini diperkemaskan lagi melalui surat arahan oleh Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018 yang memansuhkan kaedah perolehan secara tender terhad dan digantikan dengan kaedah tender terbuka pra-kelayakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kaedah perolehan secara rundingan terus akan hanya dipertimbangkan bagi perolehan yang melibatkan lima (5) kriteria khusus dan bukannya dibenarkan secara am.